

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
(PENILAIAN SUMATIF)
SEMESTER II
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PEMILIHAN BAHAN
KOD KURSUS : BBM 10103
KOD PROGRAM : BBA/BBD/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020
JANGKA MASA : 48 JAM/ 2 HARI

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

ARAHAN SOALAN:

Industri automotif bermula pada tahun 1926 sewaktu Ford Malaya mula menapak di Singapura. Setelah itu, industri ini di Malaysia terus berkembang pesat dan kini, Malaysia merupakan industri ketiga terbesar di Asia Tenggara dan mengeluarkan lebih 500,000 kenderaan setiap tahun

Melalui satu pembentangan berbentuk video, pilih satu kenderaan automotif (motokar/motosikal) yang ada di rumah anda/ berdekatan dengan rumah anda untuk dijadikan bahan pembentangan. Di dalam video tersebut, jelaskan:

- i. Latar belakang industri kenderaan tersebut.
- ii. Tiga (3) bahan utama dan kegunaan bahan tersebut digunakan dalam proses pembuatan industri kenderaan tersebut.
- iii. Bagaimana industri tersebut berkembang dari aspek revolusi bahan kejuruteraan yang digunakan untuk kekal bersaing di pasaran pada abad ke-21 ini.

Kaedah penyampaian rakaman video:

1. Setiap pelajar dikehendaki menyediakan sebuah rakaman video bagi menjawab soalan di atas.
2. Video perlu menggunakan sepenuhnya Bahasa Melayu atau sepenuhnya Bahasa Inggeris.
3. Video mesti mempamerkan penyampaian asli oleh pelajar sendiri dan kenderaan yang dipilih untuk menjadi produk utama tugas ini. Selain itu, video tidak boleh memaparkan individu/bahan bantuan lain, sebarang suntingan dan pembacaan skrip. Video perlu dirakam secara berterusan dengan tempoh antara satu (1) - dua (2) minit. Walau bagaimanapun, rakaman video bebas dilakukan di mana-mana asalkan tidak mengganggu kualiti imej dan suara.
4. Video boleh menggunakan apa sahaja aplikasi yang dirasakan sesuai dengan format fail .mov atau mp4 sahaja. Video tersebut mestilah tidak melebihi boleh dimuat naik ke Google Classroom dan boleh diakses oleh pensyarah tanpa perlu berkongsi link atau memuat turun sebarang aplikasi.
5. Organisasi kandungan video adalah seperti berikut:
 - i. Pengenalan diri (nama, no matrik dan seksyen) dan kenderaan yang dipilih
 - ii. Tiga (3) bahan utama pembuatan kenderaan
 - iii. Perkembangan/revolusi bahan pembuatan kenderaan untuk kekal sehingga abad ke-21

SULIT

BBM 10103

6. Penilaian video adalah dari aspek kualiti video (suara, imej & gaya persembahan) dan isi kandungan (pemilihan, perkembangan isi dan justifikasi).
7. Video mesti dimuat naik pada tarikh dan waktu yang ditetapkan oleh pensyarah. Pensyarah berhak untuk tidak menilai video yang dimuat naik selepas tempoh tamat yang diberikan
8. Fail nama video yang dimuat naik mestilah menggunakan 'nama penuh pelajar (no matrik)'. Contoh nama fail adalah seperti Muhammad Bin Abdullah (GB1002020).

-SOALAN TAMAT-